

MEREKA YANG MAMPU MENCARUM SEPERTI KEPADA KWSP

Dr. M syor insurans kesihatan

UM 23 JUL 1988

KUALA LUMPUR 28 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan supaya dibentuk skim insurans kesihatan am khusus untuk golongan berkemampuan bagi menampung pembiayaan khidmat rawatan perubatan mereka.

Perdana Menteri berkata masanya telah tiba bagi Malaysia memikirkan secara serius mengenai skim berkenaan sebagai tambahan dan akhirnya menggantikan separuh dari perkhidmatan perubatan kerajaan.

"Tanpa menafikan akan pentingnya keperluan mendapatkan penjagaan kesihatan yang baik, maka amat perlu satu skim kesihatan yang memberi sumbangan ke arah itu diadakan bagi mereka yang mampu," katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapannya ketika merasmikan mesyuarat antarabangsa saintifik kali ketiga di Hotel Hilton di sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata skim berkenaan sama seperti Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) yang mana orang ramai perlu mencarum bagi membolehkan mereka mendapat faedah tanggungan perbelanjaan perubatan.

Bercakap kepada para pemberita kemudian Perdana Menteri menjelaskan kerajaan tidak membuat sebarang kajian mengenai skim itu tetapi beliau sekadar memberikan pandangan supaya ia dapat difikirkan oleh badan - badan yang berupaya melaksanakannya.

Katanya, kerajaan tidak mampu untuk mengendalikan hospital dan memberi rawatan percuma kepada golongan yang sebenarnya mampu untuk membayar.

Beliau menambah, khidmat perubatan percuma ha-

nyadiberikan kepada kakitangan kerajaan tetapi kerana hendak mengimbangkan dengan apa yang dikenal: sebagai *Western Medicine*, kerajaan memperluaskannya kepada orang ramai.

Agaimanapun, pada zaman dahulu, harga sebotol uba hanya 10 sen tetapi kini ia meningkat kepada \$3 sebotol.

"Hospital - hospital kerajaan seharusnya hanya boleh memberikan rawatan percuma kepada mereka yang berpendapatan rendah dan tidak lagi kepada mereka yang mampu," tegasnya.

Dalam ucapannya lagi, Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia bernasib baik kerana negara ini mempunyai rangkaian hospital, poliklinik dan pusat-pusat kesihatan yang menyeluruh.

Pakar perubatan

Pakyat, tambah beliau, dapat menikmati rawatan percuma atau dengan kadar subsidi menerusi rangkaian - rangkaian ini.

Mengenai kekurangan pakar - pakar perubatan, beliau memberitahu, latihan perubatan di peringkat ijazah lanjutan di institusi - institusi tempatan telah dipegiat dan diperluaskan supaya negara dapat menamnah bilangan pakar perubatannya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mahu para doktor dan kakitangan perubatan mengikuti perkembangan - perkembangan terbaru dalam berbagai bidang perubatan.

Katanya, "mereka harus sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan masing - masing, bukan sahaja supaya tidak ketinggalan bahkan supaya dapat meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan di negara ini."

Menurutnya, kalaulah tidak setiap hari, setiap minggu seharusnya negara dapat mendengar penemuan dan penyelidikan baru.

Mesyjrat tiga hari itu adalah anjuran Kolej Pakar Bedah dan disertai bersama oleh anggota - anggota Kolej Physicians dan Perubatan Am.